

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

PERBICARAAN JENAYAH: 45A-44-9/2016

PENDAKWA RAYA

LAWAN

**DEDY SAPUTRA
(NO. PP: A6375945)**

PENGHAKIMAN MAHKAMAH

[1] Tertuduh dituduh mengedar dadah jenis methamphetamine seberat 673.4 gram. Pertuduhan terhadap Tertuduh sebagaimana berikut:-

“Bahawa kamu pada 3.4.2016 jam lebih kurang 4.45 petang, di Level 9-1, Condominium Casa Residency 69, di dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur didapati telah mengedar dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 673.4 gram. Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama”.

Kes Pihak Pendakwaan

[2] Pada 3.4.2016 kira-kira jam 3.00 petang Insp Mohd Azrin bin Abd. Manan (SP3) semasa menjalankan operasi mencegah pengedaran dadah telah mendapat arahan daripada ASP Anuar bin Hj. Md Ghazali untuk menahan sebuah kereta Toyota Vios WC 4229D. SP3 yang ketika ini sedang berada di Jalan Pandan Makmur telah menahan sebuah kereta Vios WC 4229D berhampiran lampu isyarat. Apabila diperiksa didapati pemandunya adalah seorang warganegara Indonesia yang kemudian dikenali sebagai Tertuduh. Terdapat serangkai kunci mengandungi 4 batang anak kunci dijumpai **[P22(A) hingga P22(D)]** di dalam bahagian ‘arm rest’ kereta tersebut serta satu bag plastik di bahagian tempat duduk penumpang depan mengandungi wang tunai berjumlah RM102,600.00. Pada masa yang sama ASP Anuar bin Hj Md Ghazali yang berada di lokasi lain telah menahan seorang lelaki Indonesia bernama Muhammad Zubir Ishak (SP8).

[3] Hasil pemeriksaan atas tubuh Tertuduh, SP3 telah menjumpai satu dompet warna coklat jenama Valention Creations (**P19**) yang mengandungi satu kad ATM dan 3 keping akses kad **[P21(A hingga P21(C)]**. Turut dijumpai di badan Tertuduh dua telefon bimbit jenama Sony.

[4] Selepas Tertuduh di tangkap, SP3 dan pasukan telah dibawa oleh Tertuduh pergi ke alamat A8-2-3 Apartment Soho Residence, Sungai Besi, Kuala Lumpur. SP3 telah berjaya memasuki kawasan apartment tersebut menggunakan salah satu daripada akses kad yang dijumpai daripada Tertuduh. Walau bagaimanapun pintu rumah tidak dapat dibuka kerana isteri Tertuduh tidak ada dirumah.

[5] Selepas itu, berpandukan alamat rumah yang diberikan oleh Tertuduh, pada jam 4.45 petang SP3 dan sepasukan polis telah pergi bersama-sama Tertuduh ke alamat di Level 9-1, Condominium Casa Residency 69, Kuala Lumpur. Dengan menggunakan salah satu akses kad yang dijumpai daripada Tertuduh SP3 telah berjaya masuk ke Casa Residency 69. SP3 telah membuka pintu rumah unit di Level 9-1 tersebut dengan menggunakan salah satu daripada anak kunci **[P22(A)]** yang dijumpai di dalam bahagian ‘arm rest’ kereta WC 4229D. Pemeriksaan SP3 terhadap rumah tersebut telah menemui satu peti besi di dalam almari yang berada di dalam bilik utama. SP3 telah membuka peti besi dengan menggunakan salah satu daripada anak kunci **[P22(B) atau(C)]** yang dijumpai dalam ‘arm rest’ kereta yang sama.

[6] Pemeriksaan SP3 keatas peti besi itu, telah menjumpai satu beg kertas putih bertulis Microsoft **[P7(A)]** yang mengandungi 9 paket plastik lutsinar **[P7(A1)] hingga P7(A9)]** yang mengandungi bahan disyaki dadah. Turut dijumpai dalam peti besi tersebut adalah satu Astro Tax Invoice **(P18)** atas nama Tertuduh beralamat yang sama dengan rumah tersebut.

[7] SP3 kemudian telah membuat tandaan A1- A9 serta menurunkan tandatangan dan tarikh 3/4/16 keatas 9 plastik lutsinar **P7(A)(1) hingga P7(A)(9)** yang mengandungi dadah dan menurunkan tandatangan serta tarikh yang sama atas beg kertas Microsoft **(P7A)**. Semua barang kes yang dirampas dan Tertuduh telah diserahkan kepada pegawai penyiasat Insp. Mohd Firdaus bin Mohd Radzi **(SP5)** pada 4/4/16.

[8] Dari siasatan SP5, kereta Toyota Vios WC 4229D di sewa atas nama Siti Nor bin Yusof @ Md Nawawi isteri Tertuduh. Begitu juga rumah tempat kejadian disewa atas nama Siti Nor bin Yusof @ Md Nawawi (Siti Nor). Pada 7/4/16, SP5 bersama Tertuduh dan sepasukan anggota telah pergi kerumah tempat kejadian. Disana SP5 telah merampas beberapa helai pakaian lelaki dan wanita serta baju bayi **(P35 - P4)** yang diambil dari dalam almari bilik kedua rumah tersebut. Hasil uji pakaian-pakaian yang dijalankan oleh SP5 keatas Tertuduh, mendapati baju T jenama Uniglo

(P37) dan baju T jenama I-Enzo (P38) serta seluar jenama Guess (P35) muat dengan Tertuduh. Sementara ujipakai seluar hitam jenama Google (P36) tidak sepadan dengan tubuh Tertuduh kerana besar dan merupakan seluar wanita. Selain itu, baju jenama Muaz (P39) juga tidak sepadan dengan tubuh Tertuduh kerana besar dan merupakan pakaian wanita. SP5 juga turut merampas satu kotak peti besi jenama Safewell (P30) beserta resit pembelian My My On Line (P34) bertarikh 28.3.2016 dari bilik utama.

[9] SP5 telah menghantar 9 plastik lutsinar yang mengandungi bahan disyaki dadah ke Ahli Kimia Dr. Vanita a/p Kunalan (SP1) pada 8/4/16 dan telah menerima semula dari SP1 pada 29.8.16. Hasil analisa yang dijalankan oleh SP1 keatas bahan yang terkandung dalam 9 plastik lutsinar tersebut adalah methamphetamine yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952, seberat 673.4 gram.

Dapatan Mahkamah Di Akhir Kes Pendakwaan

[10] Di akhir kes pihak Pendakwaan, Mahkamah ini harus memutuskan samada pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap Tertuduh atas pertuduhan yang dihadapinya sebagaimana menurut seksyen 180 Kanun Prosedur Jenayah. Dalam menimbangkan samada satu kes prima facie telah dibuktikan, Mahkamah ini membuat

penilaian secara maksimum terhadap keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh saksi-saksi pihak Pendakwaan yang mana penilaian dibuat berdasarkan kredibiliti saksi-saksi dan jika ada lebih daripada satu inferen yang timbul dari keterangan saksi-saksi itu, maka inferen yang berpihak kepada Tertuduh harus digunakan oleh Mahkamah **[PP v Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457; dan Looi Kow Ehai & Anor v PP [2003] 1 CLJ 734** dirujuk]. Seterusnya dalam memastikan satu kes prima facie ini telah terbukti Mahkamah ini, memastikan samada keterangan-keterangan tersebut cukup untuk mensabitkan Tertuduh sekiranya beliau memilih untuk berdiam diri untuk mematahkan keterangan pihak Pendakwaan itu apabila dipanggil untuk membela diri **[Kes Balachandran v PP (2005) 1 AMR 321]** dirujuk.

[11] Di dalam kes ini, Mahkamah ini telah meneliti keterangan Ahli Kimia SP1 yang tidak dicabar, mendapati dan menerima keterangan SP1 itu bahawa bahan yang terkandung dalam 9 plastik lutsinar **[P7(A)1 hingga P7(A)9]** adalah merupakan dadah berbahaya jenis methamphetamine seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 dan beratnya 673.4 gram. Daripada keterangan SP3, SP5 dan SP1 Mahkamah ini mendapati bahawa dadah-dadah yang dirampas oleh SP3

itu adalah dadah-dadah yang serupa yang telah dikemukakan ke Mahkamah ini. Tiada ada apa-apa pemutusan keterangan dalam pengendalian barang kes dadah tersebut.

[12] Berhubung dengan pengetahuan dan pemilikan dadah yang dijumpai di dalam beg kertas Microsoft [P7(A)] yang disimpan dalam peti besi dalam almari di bilik utama rumah tempat kejadian, Mahkamah ini mendapati keterangan SP3, SP4, SP5 dan SP8 adalah dipercayai bagi membuktikan pemilikan dan pengetahuan Tertuduh terhadap dadah tersebut. SP3 dalam keterangannya menunjukkan:

- (i) Tertuduh semasa ditahan pada hari kejadian didapati memandu kereta Toyota Vios WC 4229D seorang diri;
- (ii) di dalam kereta di bahagian ‘arm rest’ dijumpai serangkai anak kunci dan salah satu daripada anak kunci **[P22(A)]** boleh membuka pintu rumah unit 9-1, Condominium Casa Residency No. 69 (rumah kejadian);
- (iii) tiga keping akses kad **[P21(A) hingga P21(C)]** dijumpai ditubuh Tertuduh di dalam dompet **(P19)** yang telah satu kad tersebut boleh digunakan untuk memasuki bangunan Condominium Casa Residency;

- (iv) Tertuduh sendiri telah memberi alamat rumah tempat kejadian kepada SP3;
- (v) peti besi dijumpai di dalam almari bilik utama rumah kejadian. Peti besi boleh dibuka dengan menggunakan salah satu set daripada anak kunci **[P22(B) atau P22(C)]** yang dijumpai di ‘arm rest’ kereta Vios WXC 4229D.
- (vi) di dalam peti besi terdapat satu beg kertas Microsoft (P7(A)) yang mengandungi 9 paket plastik lutsinar **[P7(A)(1) hingga P7(A)(9)]** yang mengandungi dadah methamphetamine. Di dalam peti besi yang sama terdapat satu Astro Invoice Tax (P18) atas nama Tertuduh dan beralamat dirumah kejadian; dan
- (vii) Tidak terdapat orang lain semasa pemeriksaan dibuat dirumah kejadian.

[13] Daripada keterangan SP3 ini menunjukkan bahawa peti besi itu sentiasa dalam kawalan dan jagaan Tertuduh. Dengan wujudnya satu Astro Invoice Tax (P18) atas nama Tertuduh dan dengan terjumpanya kad akses pada tubuh Tertuduh dan kunci ke unit rumah kejadian di dalam

kereta, menunjukkan bahawa Tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan serta pengetahuan akan plastik yang mengandungi dadah tersebut.

[14] Keterangan SP3 ini turut disokong dan diperkuatkan dengan keterangan pegawai penjawat (SP5). Keterangan SP5 yang pergi menyiasat kerumah kejadian menunjukkan:

- (i) salah satu anak kunci **[P22(A)]** daripada 4 batang anak kunci yang dirampas dari dalam kereta Vios yang dipandu oleh Tertuduh boleh membuka pintu utama rumah kejadian dan kunci **[P22(B)]** boleh membuka peti besi;
- (ii) salah satu daripada kad akses [P21(A)] yang dijumpai daripada tubuh Tertuduh boleh digunakan masuk ke pangsapuri Casa Residency;
- (iii) pakaian lelaki dijumpai di bilik kedua dirumah kejadian iaitu baju T (P37 dan P38) serta seluar (P35) setelah di ujipakai sepadan dengan tubuh badan Tertuduh; dan
- (iv) terdapat satu kotak peti besi jenama ‘safewell’ (P30) di dalam bilik utama rumah kejadian dan di dalamnya terdapat satu resit

pembelian peti besi dikeluarkan oleh My My On Line Marketing bertarikh 28/3/16 (P34).

[15] Daripada keterangan SP5 menyokong keterangan SP3 mengenai kad akses yang boleh digunakan untuk masuk pangsapuri Casa Residency serta kunci yang boleh membuka pintu utama unit rumah kejadian dan peti besi. Keterangan SP5 dan SP3 ini menunjukkan akses kad dan kunci tersebut sentiasa di dalam milikan Tertuduh. Seterusnya dari keterangan SP5 yang turut menjumpai baju yang suai muat tubuh badan Tertuduh. Ini menunjukkan Tertuduh merupakan salah seorang yang menghuni rumah kejadian seterusnya mempunyai kawalan atau jagaan serta pengetahuan akan dadah yang dijumpai dalam peti besi dirumah kejadian tersebut. Dari keterangan dan siasatan SP5 Siti Nor yang merupakan isteri Tertuduh yang tinggal bersama dirumah kejadian tersebut, yang turut diakui oleh pihak Pembelaan, berada di kampung di Kelantan pada masa dan sebelum kejadian.

[16] Keterangan dari Pendakwaan Ridzhua Loh Yu Keong (**SP4**) yang merupakan Pembantu Syarikat Ariana Car Rental mengesahkan kereta Vios WC 4229D di sewa oleh Siti Nor binti Yusuf yang diakui sebagai isteri

kepada Tertuduh. Pada 20/3/16 SP4 telah menghantar kereta tersebut ke tingkat ‘basement’ Sungai Way Plaza dan menyerahkan kepada Siti Nor yang datang bersama suaminya ‘Daddy’. SP4 telah mengecam Tertuduh sebagai Daddy. Dari keterangan ini menunjukkan kereta tersebut turut digunakan oleh Tertuduh. Malah pada hari kejadian, daripada keterangan SP3 didapati Tertuduh berseorangan memandu kereta berkenaan. Keterangan saksi Pendakwa Muhammad Zubir Ishak (**SP8**) yang dilihat berjumpa Tertuduh sebaik sahaja sebelum kereta Tertuduh ditahan, mengesahkan bahawa Tertuduh datang berjumpanya seorang diri. Daripada ini ia memberi inferen bahawa Tertuduh sentiasa tahu dan dalam milikan kunci yang ada di ‘arm rest’ kereta tersebut yang boleh membuka pintu utama rumah kejadian dan peti besi yang menyimpan dadah di dalam rumah tersebut.

[17] Di peringkat kes Pendakwaan ini, pihak Pembelaan cuba meletakkan bahawa saksi Mohammad Zubir Ishak (**SP8**) adalah orang yang punya kad akses dan kunci kepada rumah kejadian serta dadah tersebut adalah milik SP8. Walau bagaimanapun SP8 dalam keterangannya menafikannya. Seterusnya menjelaskan pertemuan beliau dengan Tertuduh sebaik sahaja sebelum ditangkap adalah bertujuan

menyerahkan wang tunai yang telah ditukar kepada mata wang Malaysia RM 102,600 yang dikirimkan oleh pakcik Tertuduh di Indonesia dan dimasukkan dalam akaun bank SP8 bagi tujuan Tertuduh membuka perniagaan. Mahkamah setelah mendengar keterangan SP8, menerima keterangannya bahawa akses kad dan kunci tersebut bukan kepunyaan beliau dan wang RM 102,600 yang dijumpai di dalam kereta yang dipandu oleh Tertuduh adalah wang yang diserahkan oleh SP8 kepada Tertuduh.

[18] Berdasarkan tarikh pembelian peti besi di atas resit My My On Line Marketing (**P34**) 28/3/16, pegawai penyiasat SP5 telah mendapatkan rakaman CCTV bertarikh di kawasan lift dan koridor Tingkat 9 Bangunan Casa Residency bagi tarikh tersebut. Dari rakaman CCTV yang telah dimuat turun dalam bentuk CD (**P42(A)**) oleh Pegawai Cyber Security Puan Nur Aishah binti Mohamad (**SP7**) yang turut dimainkan di Mahkamah ini, menunjukan seorang lelaki memakai baju pendek warna putih dan seluar warna biru dan bertopi biru sedang menjinjing beg plastik besar warna oren di sebelah tangan kanan dan beg kertas warna putih di sebelah tangan kiri. Menurut SP5 yang menonton rakaman CCTV tersebut mendapati lelaki tersebut membawa beg plastik dan beg kereta tersebut bermula dari lift tingkat parkir hingga ke Tingkat 9. Dalam

keterangan SP7 pula, mengesahkan bahawa dalam rakaman CCTV itu, beliau telah mengeluarkan dan menyediakan objek gambar atau ‘still image’ bahagian rakaman tertentu, yang menunjukkan lelaki tersebut membawa beg plastik dan beg kertas sedang berdiri di hadapan menunggu lift dan akhirnya keluar daripada lift melalui koridor dan memasuki rumah. SP5 melihat dari rakaman CCTV, rumah yang dimasuki oleh lelaki itu adalah di unit rumah kejadian. Walau bagaimanapun tidak ada sebarang padanan dibuat oleh SP5 atau SP7 akan identiti individu lelaki itu dengan Tertuduh dan tidak pernah dikenalpasti apa objek yang terkandung dalam plastik beg oren dan beg kertas tersebut. Dengan itu Mahkamah ini tidak dapat membuat apa-apa dapatan mengenai identiti lelaki di dalam rakaman CCTV dan barang yang dibawanya. Kecuali dalam kes ini, Mahkamah mendapati ada peti besi itu telah dibeli pada 28.3.16 dan inferen peti besi yang dibeli itu adalah peti besi yang dijumpai di dalam almari bilik utama rumah kejadian.

[19] Peguambela Tertuduh telah mempersoalkan kegagalan pihak Pendakwaan memanggil isteri Tertuduh Siti Nor serta Henry Ong Chee Hoong dan ketiadaan rakaman CCTV selepas 28.3.16 sehingga tarikh kejadian dan membolehkan pemakaian anggapan bertentangan di bawah

seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap kes pihak Pendakwaan. Berkaitan hal ini, Lee Wee Pin (SP6) telah memberi keterangan berkenaan dengan penyewaan rumah kejadian. SP6 menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan tentang kontrak penyewaan kerana semua perundingan dan kutipan wang sewaan dalam urusan Henry Ong Chee Hong. SP6 hanya berurusan sekali semasa mengambil deposit sewaan sahaja. Dalam perkara ini Mahkamah dapatti pada ketiapemeriksaan oleh SP3 di dalam rumah kejadian semasa barang kes dijumpai, tiada orang lain di rumah tersebut. Keterangan Siti Nor dan Henry Ong Chee Hoong hanya untuk mengesahkan bahawa Siti Nor binti M. Yusof adalah penyewa dan SP1 ada tinggal bersama dirumah kejadian. Ketiadaan keterangan Siti Nor dan Henry Ong Chee Hoong tidak sesekali menjelaskan kes pihak Pendakwaan. Bahkan dari soal balas yang dikemukakan terhadap saksi-saksi pihak Pendakwaan, Pembelaan tidak meletakkan apa-apa perkara mengenai milikan dadah itu terhadap Siti Nor. SP8 juga telah menjelaskan kedudukannya. Dengan itu keterangan Siti Nor mahupun Henry Ong Chee Hoong tidak menjelaskan kes pihak Pendakwaan.

[20] Setelah Mahkamah ini meneliti secara maksimum keterangan saksi-saksi pihak Pendakwaan dan menerima keterangan mereka mendapati bahawa Tertuduh mempunyai milikan dan mengetahui akan dadah di dalam beg kertas Microsoft tersebut. Memandangkan berat dadah mathemphetamine melebihi dari tahap statutory dan adalah mustahil jumlah dadah yang begitu banyak adalah untuk kegunaan Tertuduh sendiri, maka Mahkamah ini telah menggunakan anggapan seksyen 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 bahawa Tertuduh telah mengedar dadah tersebut. Dengan itu Tertuduh dipanggil membela diri atas pertuduhan terhadap beliau.

Kes Pembelaan

[21] Tertuduh telah memilih memberi keterangan secara bersumpah dan telah memanggil ASP Anuar bin Hj. Md Ghazali (**SD2**) sebagai saksi beliau.

[22] Pembelaan Tertuduh adalah bahawa beliau dan isterinya dalam proses berpindah dari rumah kejadian ke Soho Residency pada 3/4/16 jam lebih kurang 12.30 tengahari, Tertuduh telah berjumpa Muhammad Zubir

Ishak (**SP8**). SP8 merupakan rakan sekampung Tertuduh yang dikenali sejak dari kecil di Aceh, Indonesia. SP8 merupakan seorang peniaga. SP8 sekali sekala menginap di Casa Residency di rumah Tertuduh. SP8 mempunyai sebuah rumah lain tempat tinggal yang tetap dan tinggal bersama isteri dan anaknya disana. Menurut Tertuduh, pada 3/4/16 beliau baru sampai dari rumah ibu mertuanya di Tanah Merah, Kelantan. Tertuduh telah terlupa untuk mengambil kunci rumah Soho Residency daripada isteri beliau yang ada bersama-sama di Kelantan.

[23] Tujuan Tertuduh berjumpa SP8 pada hari tersebut adalah untuk mengambil wang tunai kepunyaannya dalam mata wang ringgit Malaysia yang telah sedia ditukar oleh SP8 dari Rupiah dan mengambil kunci rumah Casa Residency. Wang tersebut adalah wang hasil jualan tanah pesaka keluarga di kampong Tertuduh bernilai RM400 juta Rupiah. Abang Tertuduh bernama Muzakir telah memasukkan wang tersebut dalam akaun SP8.

[24] Tertuduh dan SP8 telah bertemu di hadapan sebuah restoran ‘Golden Tin’ di Pandan Indah. Tertuduh kesana memandu kereta Toyota Vios yang disewa atas nama isterinya Siti Nor. SP8 datang kesitu dengan

memandu kereta Honda Jazz. Apabila sampai disitu, Tertuduh telah menemui SP8 di keretanya. SP8 menurunkan tingkap keretanya dan telah menyerahkan satu bungkusan plastik yang mengandungi wang tunai RM102,600.00 beserta satu rangkai anak kunci terdiri dari 4 batang anak kunci **[P22(A) hingga P22(D)]** serta dua kad akses **[P21(A) dan P212(C)]** bagi rumah kejadian. Setelah mengambil wang, kunci dan akses kad itu, Tertuduh telah kembali ke keretanya dan meletakkan bungkusan wang di tempat duduk penumpang hadapan kereta dan kad akses di simpan di dalam dompet bersama-sama kad akses Soho Residency **[P21(B)]** serta serangkai kunci disimpan ditempat ‘arm rest’ kereta.

[25] Tertuduh kemudian beredar dari situ. Semasa berada di lampu isyarat, sekumpulan lelaki bersenjata pistol turun dari kereta dan menuju ke kereta Tertuduh sambil menjerit ‘Polis’. Lelaki-lelaki tersebut tidak memakai uniform polis. Tertuduh terkejut. Lelaki-lelaki tersebut mengarahkan Tertuduh keluar daripada kereta. Mereka kemudian membuat pemeriksaan terhadap Tertuduh dan dalam kereta namun tidak menjumpai apa-apa barang salah. Setelah selesai, Tertuduh telah dibawa ke hadapan restoran ‘Golden Tin’. Disana Tertuduh nampak SP8 bersama dengan anggota polis. Pihak polis kemudian menanyakan Tertuduh akan

tempat tinggal beliau. Tertuduh telah memberitahu bahawa beliau tinggal di A8-2-3 Soho Residency.

[26] Tertuduh dan anggota polis telah pergi ke Soho Residency dan telah berjaya naik kerumah dengan menggunakan kad akses **[P21(B)]**. Namun begitu tidak berjaya untuk masuk kedalam rumah kerana kunci rumah ada pada isteri Tertuduh yang masih berada di Tanah Merah, Kelantan. Pihak polis kemudian bertanyakan pada Tertuduh mengenai serangkai kunci yang ada pada Tertuduh. Tertuduh menyatakan kunci tersebut adalah kunci bagi rumah di Casa Residency.

[27] Tertuduh dan anggota polis telah pergi ke Casa Residency. Disana di dalam rumah Unit 9-1 Casa Residency Service Apartment 69, pihak polis telah menjumpai satu bag kertas Microsoft yang mengandungi 9 paket plastik dadah yang disimpan di dalam peti besi bilik utama. Bilik utama dihuni oleh SP8 dan peti besi itu adalah milik SP8. Selesai pemeriksaan di Casa Residency, Tertuduh telah dibawa ke Balai Polis Pandan Indah dimana Tertuduh ada melihat SP8 yang juga turut ditahan.

Penemuan Mahkamah

[28] Tugas pihak Pembelaan pada peringkat ini hanya untuk membangkitkan keraguan yang munasabah keatas kes pihak Pendakwaan dan menyangkal anggapan, atas imbangan keberangkalian, pegedaran di bawah seksyen 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952, atas imbangan kebarangkalian. Walau bagaimanapun pihak Pendakwaan masih mempunyai tugas membuktikan kes beliau sehingga melampaui apa-apa keraguan munasabah. Di dalam menilai jalur Pembelaan Tertuduh, di akhir kes, soalan telah menimbulkan keraguan munasabah, Mahkamah menimbangkan akan keseluruhan keterangan yang telah dibentangkan oleh kedua-dua pihak Pendakwaan dan Pembelaan seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 182(A) Kanun Prosedur Jenayah **[Norol Rojik bin Jun v Public Prosecutor (Criminal Appeal No. S-05(SH)-123-03/2016) dirujuk]**.

[29] Di dalam kes ini, Mahkamah meneliti akan jalur Pembelaan Tertuduh yang menyatakan SP8 sekali sekala tinggal dirumah kejadian yang disewa oleh isteri Tertuduh. SP8 yang menghuni bilik utama rumah kejadian sedangkan Tertuduh, isterinya dan anaknya tinggal di bilik kedua. Dikatakan oleh Tertuduh bahawa peti besi yang mana dadah dijumpai di

dalamnya terletak di bilik utama rumah kejadian adalah milik SP8. Pada hari kejadian sekembalinya Tertuduh dari rumah ibu mentuanya di Tanah Merah, Kelantan, beliau telah berjumpa SP8 untuk mengambil wang hasil penjualan tanah pesaka keluarga di Indonesia yang dikirimkan oleh abang Tertuduh Muzakir dalam akaun SP8 dan dalam masa sama mengambil kunci rumah di Casa Residency memandangkan Tertuduh terlupa untuk mengambil kunci rumahnya di Soho Residency yang ada bersama isterinya Siti Nor yang turut berada dirumah ibunya di Tanah Merah, Kelantan tersebut. Wang RM102,600.00 serta kunci dan akses kad Casa Residency telah diserahkan oleh SP8 kepada Tertuduh pada perjumpaannya di hari kejadian tersebut.

[30] Pada peringkat ini, Mahkamah ini melihat semula keterangan SP8 dan senario episod kes ini bagi memastikan sama ada jalur Pembelaan Tertuduh itu telah menimbulkan keraguan yang munasabah. Mengenai sumber wang diperolehi, SP8 menyatakan perkara yang sama seperti yang dinyatakan oleh Tertuduh. Perbezaan keterangan SP8 dengan Tertuduh adalah mengenai sejauh mana SP8 mengenali Tertuduh. Menurut SP8 beliau tidak mengenali Tertuduh. SP8 hanya mengenali pakcik Tertuduh di kampong iaitu di Aceh Indonesia. SP8 menyatakan beliau hanya

mengenali Tertuduh pada bulan Februari 2016 apabila SP8 berjumpa buat kali pertama dengan Tertuduh di kedai Pandan Indah. Semasa perjumpaan itu, Tertuduh telah memberitahu SP8 bahawa Tertuduh ingin bermiaga di Malaysia dan meminta tolong SP8 dan memberitahu SP8 bahawa Tertuduh ada duit di kampung dan meminta duit itu di kirim ke Malaysia melalui SP8. SP8 seterusnya menyatakan wang 400 juta Rupiah telah pakcik Tertuduh masukkan ke akaun banknya semasa beliau balik kenduri di Aceh dan SP8 kenal baik dengan pakcik Tertuduh di Indonesia. SP8 kemudian menukarkan wang Rupiah kepada wang Malaysia RM102,600.00 dan diserahkan kepada Tertuduh.

[31] Pengenalan SP8 dan Tertuduh ini berlainan penjelasannya dengan Tertuduh. Tertuduh menyatakan beliau mengenali SP8 sejak kecil di Aceh, Indonesia dan '**sudah berbelas tahun**'. Duit 400 juta Rupiah telah dimasukkan ke akaun bank SP8 hasil jualan tanah pesaka keluarga Tertuduh. Abang Tertuduh iaitu Muzakir telah menghubungi Tertuduh supaya mengambil wang itu daripada SP8, kerana itu pada hari kejadian sekembali daripada Kelantan beliau pergi berjumpa SP8 untuk mengambil wang tersebut.

[32] Dari dua keterangan ini, keterangan Tertuduh lebih berkemungkinan besar munasabah dan benarnya. Tidak mungkin SP8 dengan hanya mengenali dan terjumpa dengan Tertuduh di kedai makan telah mula bercerita mengenai wang yang begitu banyak untuk SP8 uruskan bagi pihak Tertuduh. Tiada penerangan jelas daripada SP8 bagaimana kepercayaan Tertuduh terhadap SP8 dan kesanggupan Tertuduh mengarahkan kepada SP8 untuk menguruskan wang yang sebeginu banyak. Lebih-lebih lagi perkenalan dan perjumpaan kali pertama diantara SP8 dan Tertuduh dalam bulan Februari 2016. Tidak mungkin Tertuduh sanggup meminta SP8 menguruskan soal wangnya dalam jumlah yang begitu banyak. Lebih meragukan apabila SP8 semasa di soal balas menyatakan daripada 400 juta Rupiah itu SP8 telah mengambil 100 juta Rupiah bersamaan RM 70,000.00 yang telah didahulukan pada Tertuduh. Dengan kata lain, SP8 pada hari perjumpaan, walaupun tidak diceritakan secara nyata, telah mendahulukan RM 70,000.00 semasa perjumpaan pertama beliau dengan Tertuduh. Cerita ini tidak munasabah bagi seorang yang baru kali pertama mengenali Tertuduh telah memberi pinjam wang yang begitu banyak RM70,000.00 kepada Tertuduh. Kerana ini, Mahkamah lebih mempercayai cerita Tertuduh yang menyatakan beliau telah mengenali SP8 berbelas-belas tahun lalu. Daripada keterangan ini

sukar untuk mempercayai SP8 mengenai tahap pengenalannya dengan Tertuduh yang dikatakan pertama kali dalam bulan Februari 2016 dan kali kedua pada perjumpaannya pada hari tangkapan. Apa yang jelas dari keterangan SP8 ini adalah untuk menjustifikasi keterangannya kemudian daripada itu bahawa beliau tidak pernah pada bila-bila masa pergi dan tinggal bersama Tertuduh dirumah kejadian.

[33] Mahkamah mempercayai cerita Tertuduh yang menyatakan telah mengenali SP8 sejak sekian lama dari kecil lagi. Keterangan ini selari dengan sifat kepercayaan manusia terhadap seorang yang telah dikenali lama untuk berurusan mengenai perkara-perkara yang melibatkan soal amanah. Tertuduh memerlukan seorang yang amat rapat dan dipercayainya bagi menguruskan wangnya yang banyak itu. Dengan itu SP8 adalah satu-satu orang yang rapat dan dikenalinya serta dipercayai oleh Tertuduh.

[34] Dengan persetujuan SP8 untuk menguruskan kewangan Tertuduh itu, jelas membayangkan SP8 bukan hanya baru sekali berjumpa dan berkenalan dengan Tertuduh sebaliknya telah berkenalan lama dan rapat dengan Tertuduh. Ini menunjukkan bahawa ia adalah berkemungkinan

besar bahawa SP8 ada pergi dan tinggal bersama Tertuduh di rumah kejadian.

[35] Dengan itu juga keterangan SP8 bahawa beliau hanya memberi wang di dalam bungkus plastik pada hari kejadian amat meragukan. Mahkamah menerima keterangan Tertuduh bahawa pada hari berkenaan SP8 bukan sahaja memberi wang bahkan memberi sekali kad akses dan serangkai kunci **[P22(A-D)]** kepada Tertuduh, memandangkan Tertuduh tidak mempunyai kunci bagi rumah di Soho Residency.

[36] Episod kejadian sehingga tertangkapnya Tertuduh adalah relevan dalam menentukan kebenaran dan kemunasabahan penceritaan Tertuduh atau SP8. ASP Anuar bin Hj. Md Ghazali (SD2) merupakan pegawai yang mengetuai operasi mencegah kegiatan pengedaran dadah pada hari kejadian tersebut. Anggota-anggota operasi dibahagikan kepada dua pasukan yang diketuai oleh SD1 sendiri dan satu lagi diketuai oleh SP3. Dalam menjalankan operasi, SP1 dan SP3 berkomunikasi secara walkie talkie kerana kedua-dua pasukan berkedudukan pada lokasi yang berbeza. Menurut SD2 selepas 2 jam berada dalam kawasan pemerhatian beliau mendengar dengan jelas melalui set walkie talkie bahawa SP3 telah

berjaya mengesan kenderaan Vios WC 4229D dan SD2 mengarahkan SP3 menahan kereta tersebut. Dalam masa yang sama SD2 mendengar melalui walkie talkie bahawa pasukan SP3 telah berjumpa dengan sebuah lagi kenderaan Honda Jazz BNJ 9699. SD3 mengarahkan SP3 menumpukan seratus peratus kepada kereta Vios yang dipandu oleh Tertuduh. Manakala SD2 akan menumpukan perhatian pada kereta Honda Jazz tersebut. SD2 kemudian mengekori kereta Honda Jazz dan telah menahan kereta Honda Jazz yang dipandu oleh SP8 di Restoran Golden Tin. Manakala dalam keterangan SP3 menyatakan bahawa operasi yang dijalankan itu adalah bagi menahan suspek satu lelaki Indonesia yang terlibat dalam pengedaran dadah. SP3 semasa di soal balas menyatakan pemantauan atas kereta Vios yang dipandu oleh Tertuduh dibuat oleh SD2. Semasa pemantauan dibuat, SD2 sering memberi maklumat semasa kepada SP3 mengenai jenis kereta dan no kereta yang digunakan oleh suspek. SP3 menyatakan maklumat yang SD2 terima mungkin daripada orang lain. Apabila SP3 mendapat arahan untuk menahan kereta Toyota Vios WC 4229D dipersimpangan lampu isyarat dan telah secara rambang menahan kereta tersebut dan didapati pemandunya adalah Tertuduh.

[37] Dari senario episod penangkapan ini, menunjukkan bahawa ASP Anuar (SD2) telah mengetahui akan jenis dan no kereta lelaki Indonesia yang terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah tersebut semasa pemerhatian itu yang tentunya maklumat itu adalah dari pihak ketiga. Kedua-dua jenis kereta Toyota Vios WC 4229D dan Honda Jazz BNJ 9699 hanya telah diketahui oleh SP3 dan SD2 semasa pemerhatian dibuat. Sebaliknya SP3 mahupun SD2 tidak menceritakan apa kaitan kedua-dua kereta tersebut. Akhirnya SP3 menahan kereta Toyota Vios dipandu oleh Tertuduh dan SD2 menahan kereta Honda Jazz dipandu oleh SP8. SP8 dalam keterangannya menyatakan pada hari kejadian beliau bertemu dengan Tertuduh. Dari episod ini menunjukkan bahawa kedua-dua Tertuduh dan SP8 merupakan lelaki Indonesia yang menjadi target operasi hari tersebut. Ini memperkuatkan cerita Tertuduh bahawa SP8 adalah merupakan kenalan rapatnya juga tinggal di rumah kejadian yang terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah.

[38] Kewujudan bil Astro Tax Invoice atas nama Tertuduh (P13) dalam peti besi yang berkunci tersebut menimbulkan tandatanya, adakah sengaja diletakkan disitu oleh Tertuduh. Jika sengaja diletakkan disitu oleh Tertuduh ia menunjukkan ketidakcerdikan Tertuduh memandangkan di

dalam peti besi yang sama terdapat beg kertas yang mengandungi dadah. Tentunya ia tidak logik dan diluar kecerdikan seseorang yang melakukan kesalahan memiliki dadah. Lebih dari itu, jika ingin dikatakan kesilapan tertuduh meletakkannya di dalam peti besi itu, mestilah kesilapan itu kesilapan yang tidak disengajakan akibat bercampur dengan dokumen-dokumen lain. Tidak pula terdapat apa-apa dokumen lain melainkan hanya bil Astro Tax Invoice itu sahaja di dalam peti besi yang berkunci untuk Mahkamah ini menyatakan itu adalah kesilapan Tertuduh. Bahkan dari segi logik yang lain adalah kenapa mesti bil tersebut yang tidak mempunyai nilai penting atau kerahsiaan sehingga harus disimpan di dalam peti besi yang berkunci. Ia adalah tidak logik untuk Tertuduh meletakkan satu Astro Tax Invoice (Eksibit P18) yang mengandungi namanya sahaja dengan dadah tersebut untuk mengaitkan dirinya dengan dadah. Dalam hal ini menyentuh perkara yang sama Mahkamah dalam kes **Public Prosecutor v Lai Ching Chong [1996] MLJU 190**, menyatakan:

"The next question to ask is, did the accused know that what he was carrying was heroin? The prosecution evidence is that the accused's NRIC was found in the pouch. This the accused denied. He said that the NRIC was in his wallet. It has to be noted too that no mention again was made during examination-in-chief of PW3 that he had recovered a wallet

from the accused. A wallet was recovered from the accused and that fact was elicited during cross-examination of PW3. He said that the wallet was returned to the accused but the accused denied it. To my mind it seems more logical for the NRIC to be in the wallet rather than in the pouch. And as pointed out by counsel for the accused if the accused knew he was carrying dangerous drug in the pouch putting his NRIC in the pouch would be like signing his death warrant. What however is most disquieting is this – a police officer would surely find the presence of accused's NRIC in the pouch a very important piece of incriminating evidence which would assist the Court to infer that the accused had knowledge of the nature of the drugs. Why then did he not, as he admitted under cross-examination, include in his police report (which was not produced as a prosecution exhibit) the fact that the accused's NRIC was found in the pouch? It is puzzling if the waist-pouch was his, why was it that he was not wearing it round his waist especially if he needed merely to deliver the package and not the pouch with the package? With all these as a background what has further to be considered is that PW3 did not candidly disclose in examination-in-chief relevant facts relating to the arrest of another Chinese man waiting in a car below the flats where the accused was arrested and the recovery of 5 plastic packets containing a reddish substance similar to the one found in the pouch. Considered together a reasonable doubt has been created in my mind on the

prosecution's case that the accused's NRIC was found in accused's pouch."

Sekiranya Tertuduh sememangnya memiliki dadah dan pengedar dadah tersebut, beliau pasti tidak akan meletakkan sebarang dokumen yang mengandungi namanya bersama-sama dadah di dalam peti besi berkenaan. Semua persoalan menimbulkan keraguan sama ada Tertuduh atau orang ketiga yang meletakkannya di dalam peti besi berkunci itu. Apa yang jelasnya yang Mahkamah ini fikirkan adalah dalam hal keadaan yang dikatakan tadi, tentunya bil tersebut sengaja diletakkan oleh orang ketiga bagi mengaitkan dadah tersebut bukan kepunyaannya. Dalam kes ini pihak ketiga yang dikatakan itu berkemungkinan SP8.

[39] Selain itu, ketiadaan pakaian-pakaian Tertuduh dan isterinya di bilik utama turut menimbulkan keraguan mengenai penggunaan dan kawalan bilik utama itu oleh Tertuduh. Pada hari kejadian Tertuduh dalam proses berpindah dan telah mula menghuni rumah di Soho Residency. Penceritaan Tertuduh ini disokong dengan adanya kad akses Soho Residency dengan Tertuduh. Dalam keadaan ini dan dengan adanya pakaian Tertuduh dan isteri serta anak Tertuduh di bilik kedua lebih menyakinkan Mahkamah ini bahawa mereka bukan penghuni bilik utama

tersebut. Dengan keraguan-keraguan ini dan penceritaan Tertuduh yang diterima oleh Mahkamah ini, maka Pembelaan Tertuduh ini telah menimbulkan keraguan munasabah keatas kes pihak Pendakwaan.

[40] Tertuduh cuba memanggil isterinya Siti Nor binti M. Yusof @ Md Nawawi yang merupakan salah seorang saksi dalam senarai saksi-saksi pihak Pendakwaan, dan Henry Ong Chee Hoon yang merupakan agen penyewaan rumah kejadian dan yang mengutip sewa rumah bagi menyokong keterangan Tertuduh mengenai SP8 tinggal bersama Tertuduh dirumah kejadian. Bagi Tertuduh saksi-saksi ini penting untuk menyokong penceritaannya. Malahan kedua-dua saksi ini telah ditawarkan oleh pihak Pendakwaan pada pihak Pembela semasa peringkat kes Pendakwaan.

[41] Tertuduh telah memberi keterangan bahawa beliau telah berpindah dari Casa Residency ke Soho Residency di Unit A8-2-3 sejak pertengahan bulan Mac 2016. Sebelum berpindah, Tertuduh tinggal di rumah kejadian bersama isteri dan anaknya dan bersama SP8. SP8 tinggal sekali sekala dan menghuni di bilik utama di rumah kejadian sejak tahun 2015. SP8 tinggal bersama Tertuduh di rumah kejadian sebab Casa Residency dekat dengan kedai runcit SP8 dan mudah untuk SP8 berehat. Tertuduh telah

memulangkan kunci rumah kejadian pada pemiliknya. Memandangkan Tertuduh dalam proses berpindah ke Soho Residency, kunci rumah kejadian masih ada dengan SP8 sebab SP8 menyewa bilik utama di rumah kejadian tersebut. Perkara Tertuduh dalam proses berpindah ke Soho Residency ini telah dimaklumkan kepada SP3 dan Tertuduh telah membawa SP3 ke Unit No. A8-2-3 Soho Residency. Perkara ini juga telah disahkan oleh SP3. Seterusnya pihak Timbalan Pendakwa Raya semasa menyoal balas Tertuduh menekan sama ada perkara Zubir (SP8) datang sekali sekala ke Casa Residency itu boleh disahkan oleh isteri Tertuduh, yang dipersetujui oleh Tertuduh. Dengan itu isteri Tertuduh Siti Nor binti M. Yusuf @ Md Nawawi ini adalah saksi penting bagi Tertuduh untuk mengesahkan akan kedudukan Zubir (SP8) dengan rumah kejadian serta kepunyaan peti besi dan perpindahan Tertuduh dari rumah kejadian ke Soho Residency.

[42] Pihak Pendakwa juga telah memanggil seorang ejen rumah memberi keterangan berkenaan dengan kontrak penyewaan (Eksibit P48) Unit 9-1 Casa Residency iaitu Lee Wei Pin (**SP6**). Namun SP6 telah menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan tentang kontrak penyewaan kutipan sewa. Kutipan sewa dibuat dan dimasukkan dalam bank Henry

Ong Chee Hoong. SP6 hanya berurusan dengan Siti Nor semasa mengambil deposit sewa sahaja. Dengan itu Henry Ong Chee Hoong adalah orang yang boleh menyokong keterangan Tertuduh mengenai penyewaan, orang yang tinggal dirumah kejadian dan mengenai sewaan terakhir rumah tersebut serta penamatan penyewaan memandangkan semasa tangkapan dibuat Tertuduh dan isterinya dalam proses berpindah rumah ke Soho Residency.

[43] Walaupun kedua-dua saksinya telah ditawarkan oleh pihak Pendakwaan kepada pihak Pembelaan, namun begitu pihak Pendakwaan gagal mengemukakan dan memastikan kedua-dua saksi hadir di Mahkamah sebaik sahaja tertuduh selesai memberi keterangan. Bagi Tertuduh, kedua-dua saksi ini penting untuk menerangkan kedudukan Pembelaan Tertuduh. Pembelaan telah memaklumkan pihak Pendakwaan pentingnya saksi ini terutama saksi Siti Nor. Mahkamah pula berpendapat kedua-dua saksi ini boleh membantu memperjelaskan lagi cerita Tertuduh akan peranan SP8 dalam hubungannya dengan rumah kejadian dan peti besi serta dadah yang dijumpai di dalamnya. Lebih-lebih lagi rakaman CCTV **[P42(A)]** yang menunjukkan seorang lelaki sedang membimbit beg plastik besar dan beg kertas memasuki lift bangunan Casa Residency dan

menuju ke Unit rumah kejadian tidak pernah ditunjukkan kepada SP8 dan di soal kepada SP8 bahawa beliau bukanlah lelaki yang terdapat di dalam rakaman CCTV tersebut. Perkara ini menjadi lebih penting dan lebih jelas sekiranya isteri Tertuduh dapat mengesahkan siapa sebenarnya lelaki tersebut. Lebih-lebih lagi pihak Pendakwaan tidak pernah membuktikan siapa lelaki dalam rakaman CCTV tersebut. Dengan itu adalah menjadi tanggungjawab pihak Pendakwaan bagi memastikan kehadiran saksi-saksi yang telah dijanjikan sendiri oleh pihak Pendakwaan untuk mengemukakan mereka kepada pihak Pembelaan di hari perbicaraan itu. Kegagalan pihak Pendakwaan untuk memastikan kehadiran kedua-dua saksi ini telah membangkitkan keraguan bagi kes pihak Pendakwaan dan menyebabkan ketidakadilan kepada Tertuduh. Dengan ini merujuk kepada kes **Public Prosecutor v. Asnawi bin Yusuf [2011] 4 MLJ 16** di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan:

"[25] The three missing witnesses are important and material witnesses to the defence of the respondent in that they are the only people who can testify and establish the existence of Fakrullah. It cannot be over emphasised that the respondent is innocent until proven guilty and he must be given every opportunity to substantiate his story. Without these material witnesses the respondent will not be able to do so. It is not a question of these three missing witnesses

being ‘plugged from the air’; they were offered to the defence by the prosecution. The fact that the defence had already alerted the prosecution of their wish to call them makes it imperative for the prosecution to avail them. There is nothing unreasonable about this request. In addition to that it was the testimony of the respondent that Abdul Rahman came to the house on that fateful night when the respondent together with Fakrullah left in a car bearing registration No JCS 5739. Thus the evidence of Abdul Rahman is crucial to the respondent.

[26] *It was obligatory of the prosecution to secure their attendance once they were offered as witnesses to the defence. Such failure had occasioned a miscarriage of justice.”*

[44] Pihak Pendakwaan telah cuba memperbaiki ketidakhadiran saksi-saksi ini dengan memanggil pegawai penyiasat ganti (SP9) selepas pihak Pembelaan menutup kes Pembelaan untuk menerangkan usaha yang telah diambil untuk menyempurnakan sapina bagi kedua-dua saksi ini. Namun, Mahkamah dapati bahawa usaha SP9 untuk pencarian isteri Tertuduh dan penama Henry Ong Chee Hoong adalah tidak memuaskan dan tidak boleh diterima oleh Mahkamah ini.

[45] Mengikut keterangan SP9, SP9 telah mula mengesan isteri Tertuduh dan Henry Ong sejak kertas siasatan dipindahkan kepada beliau

pada tahun 2017. SP9 juga memberi keterangan bahawa selain daripada alamat di Tanah Merah, beliau tidak mendapat sebarang maklumat berkenaan dengan isteri Tertuduh di kawasan Kuala Lumpur. Siasatan beliau hanya tertakluk kepada kawasan Tanah Merah. SP9 juga telah memberi keterangan bahawa beliau telah meminta bantuan daripada Balai Polis Tanah Merah untuk mengesan isteri Tertuduh namun usaha ini hanya dibuat sekali sahaja. Selain itu, SP9 juga telah memberi keterangan bahawa beliau telah cuba berhubung dengan isteri Tertuduh dengan menggunakan telefon yang ada pada kertas siasatan tapi tiada jawapan.

[46] Untuk pencarian penama Henry Ong, SP9 telah memberi keterangan bahawa beliau tidak mempunyai nombor kad pengenalan ataupun telefon nombor bagi penama ini. Keterangan SP9 adalah bahawanya beliau telah cuba mencari Henry Ong melalui SP6. Pada 7.6.2017 (iaitu 2 hari sebelum perbicaraan kes Pembelaan), SP9 telah berjaya menghubungi SP6 dan SP9 telah bertanya SP6 berkenaan dengan status Henry Ong dan telah dimaklumkan oleh SP6 bahawa SP6 akan cuba cari Henry Ong. Namun, sehingga hari perbicaraan, SP6 masih tidak menghubungi SP9 berkenaan dengan Henry Ong. SP9 mengakui bahawa siasatan dan pencarian Henry Ong adalah bergantung kepada SP6. SP9

memberi keterangan bahawa beliau tidak pernah menelefon Henry Ong pada telefon nombor 010-23155540 ataupun pergi ke tempat kerja Henry Ong iaitu Simon Realty Sdn. Bhd. Maklumat-maklumat ini adalah terkandung dalam kontrak penyewaan Casa Residency (Eksibit P48) yang telah dikemukakan oleh pihak Pendakwaan dan juga berada dalam kertas siasatan SP9. Daripada penjelasan SP9 menunjukkan tiada usaha yang bersungguh-sungguh telah diambil bagi mempastikan kehadiran kedua-dua saksi tersebut.

[47] Dalam kes **Masoumeh Gholami Khaveh v. Public Prosecutor [2013] 5 MLJ 688**, Mahkamah Rayuan telah menyokong keputusan **Public Prosecutor v. Asnawi bin Yusuf [2011] 4 MLJ 16** dan menyatakan bahawa pegawai penyiasat sepatutnya menjalankan pencarian sebelum perbicaraan bermula dan sebelum saksi ditawarkan kepada Pembelaan:-

"[15] Continuing with the sequence of events at the trial before the learned trial judge, after the defence closed its case, the prosecution had tried to remedy the said failure by recalling the investigating officer, Chief Inspector Azizan bin Ganti (SP3) to give an explanation to the Court on the various steps taken to secure the attendance of Amin. According to SP3, he had contacted the Detention Centre at the Narcotics Department, Bukit Aman on 30 May 2011 to obtain clarification regarding Amin's status in the light of the detention order, exh D35. SP3 then contacted the Muar Rehabilitation Centre and was

informed that Amin was sent to the detention centre on 24 January 2010, but he had been released via a Writ of Habeas Corpus dated 8 February 2011 (exh P49). Subsequently, on 16 June 2011, SP3 contacted the Muar Immigration Department where he was informed that Amin had been deported back to his home country on 16 March 2011, which was approximately a month before the commencement of the trial before the learned trial judge. It is the testimony of SP3 he had only realised on 16 June 2011 that Amin had in fact been deported to his home country. SP3 also said that his effort to trace Amin was only conducted on 30 May 2011 after he was instructed to do so by the court. It is quite important to note that there was no effort whatsoever by SP3 to find out the whereabouts of Amin before the commencement of the trial on 11 April 2011. In our view, the conduct of SP3 as the investigating officer of the case is most unsatisfactory and unacceptable. SP3 ought to have conducted a trace on Amin to secure his attendance before the trial started and certainly before he was offered to the defence.”

[18] In our judgement, in the context of the present case, this is a serious misdirection. Even though Amin was not an important witness in the unfolding of the narrative of the prosecution case, that did not relieve the learned trial judge from determining whether Amin was in point of fact an important and material witness as far as the defence was concerned. The learned trial judge misdirected herself in that she overlooked and failed to appreciate the importance of Amin to the defence case as he was the one who could raise a reasonable doubt on the prosecution case. This was never

*considered by the learned trial judge. In the light of this unsatisfactory feature, in our judgement, the appellant had been seriously prejudiced. In **Public Prosecutor v Asnawi bin Yusuf [2011] 4 MLJ 6**, this court held that it is the bounden duty of the prosecution to secure the attendance of witnesses once they were offered as witnesses to the defence. Likewise, in the present case the prosecution has the bounden duty to secure the attendance of Amin. The appellant may waive the attendance of Amin. It is true that if Amin was produced in court, he might not be able to give favorable evidence for the appellant, but that did not detract from the prosecution's duty to produce him in court. The appellant cannot be deprived of Amin's attendance in order to prove her innocence.*

[19] *In our judgment, on the facts and the prevailing circumstances of this case, the appellant's right to a fair trial has been compromised as a result of the failure on the part of the prosecution to secure the attendance of Amin, which has the effect of rendering the conviction very unsafe. The appellant may thereby have lost a chance which was fairly opened to her of being acquitted and that there had been occasioned a failure or a miscarriage of justice (see **Mraz v The Queen (1955) 93 CLR 493** quoted with approval in **Lim Hock Boon v Public Prosecutor [2007] 1 MLJ 46**). This appeal was, therefore, allowed on this ground alone. Accordingly, we quashed and set*

aside the conviction and sentence against the appellant. The appellant was acquitted and discharged.” [penekanan adalah dibuat].

[48] Mahkamah ini mendapati usaha SP9 untuk pencarian isteri Tertuduh dan Henry Ong adalah amat tidak memuaskan dan tidak bersungguh-sungguh. SP9 sepatutnya memastikan kehadiran mereka sebelum mereka ditawarkan kepada pihak Pembelaan. Tertuduh tidak boleh dinafikan dengan kehadiran kedua-dua saksi ini untuk membuktikan bahawa Tertuduh sebenarnya menghuni di bilik kedua di Casa Residency dan SP8 tinggal bersama mereka dan menghuni di bilik utama serta Tertuduh adalah tidak bersalah. Berdasarkan ciri yang tidak memuaskan ini, Pembelaan Tertuduh telah diprejudisikan secara serius. Oleh itu, bagi mencapai perbicaraan yang adil telah dikompromi akibat kegagalan pihak Pendakwaan untuk menjamin kehadiran isteri Tertuduh dan Henry Ong.

[49] Seperkara lagi, pegawai penyiasat (SP5) telah mengesahkan bahawa beliau telah mengambil rakaman percakapan Siti Nor dan Henry Ong. Pihak Pendakwaan dalam ketiadaan saksi-saksi itu tidak selagi pun membuat permohonan untuk mengemukakan rakaman percakapan kedua-dua saksi ini di Mahkamah bagi menafikan penceritaan Tertuduh

mahupun mengemukakan kedua-dua percakapan tersebut kepada pihak Pembelaan. Di peringkat ini, dengan pihak Pendakwaan menyedari ketidakbolehan kehadiran kedua-dua saksi dan dengan kegagalan untuk mengemukakan percakapan kedua-dua saksi telah membangkitkan anggapan yang bertentangan terhadap kes Pendakwaan di bawah seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950.

[50] Mahkamah ini merujuk kepada kes **Kobra Taba Seidali v. Public Prosecutor [2014] 2 MLJ 554** dimana Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa kegagalan pihak Pendakwaan untuk mengemukakan Maryam sebagai saksi ataupun menyerahkan satu salinan kenyataan saksi kepada pihak Pembelaan yang akan digunakan sekiranya menyokong sebagai sebahagian daripada eksibit pihak Pembelaan di peringkat Pembelaan adalah fatal pada fakta matriks kes dan telah menafikan satu perbicaraan adil.

[51] Mahkamah Rayuan juga memutuskan bahawa jika saksi tidak dapat dikemukakan oleh pihak Pendakwaan, ia adalah wajar bagi pihak Pendakwaan untuk menyerahkan kenyataan saksi di bawah Seksyen 112

Kanun Prosedur Jenayah kepada pihak Pembelaan untuk melemahkan sebarang anggapan bahawa Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950.

[52] Dalam kes ini walaupun pihak Pendakwaan tidak dapat mengemukakan Siti Nor isteri Tertuduh dan Henry Ong sebagai saksi kepada pihak Pembelaan, pihak Pendakwaan juga tidak memberikan rakaman percakapan kedua-dua saksi ini kepada pihak Pembelaan. Jadi, persoalan yang timbul adalah sama ada kedua-dua saksi ini telah menyatakan bahawa sebenarnya Tertuduh telah menamatkan kontrak penyewaan di Casa Residency dan SP8 sebenarnya tinggal di bilik utama, Casa Residency serta Tertuduh dalam proses berpindah ke Soho Residency. Apakah yang menghalang pihak Pendakwaan untuk mengemukakan kedua-dua rakaman percakapan tersebut kepada pihak Pembelaan jikalau kedua-dua rakaman percakapan tersebut adalah memihak kepada pihak Pendakwaan.

[53] Oleh itu, ia adalah didapati bahawa kegagalan pihak Pendakwaan untuk memastikan kehadiran kedua-dua saksi dan mengemukakan kedua-dua rakaman percakapan ini telah membangkitkan inferen yang bertentangan terhadap kes Pendakwaan di bawah seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 dan telah pun memperjudiskan Pembelaan Tertuduh

secara serius dan telah menimbulkan keraguan atas kebersalahan Tertuduh.

[54] Dalam hal keadaan ketiadaan dua orang saksi itu yang bagi pihak Pembelaan ia amat penting bagi menyokong Pembelaannya, Mahkamah dalam kes **Public Prosecutor v Asnawi bin Yusof (supra)** menegaskan:

[23] Now, perhaps curiously, when learned defence counsel wanted the above named three witnesses to testify, the public prosecutor said that all of them were not available. The reason proffered was that they cannot be traced as they are Indonesians! Such reason is simply untenable and indefensible particularly in a case involving the liberty of an individual. We have provisions in our laws to ensure that this should not have happened. It is clear law that when witnesses are offered by the prosecution to the defence at the end of the case for the prosecution, it is the bounden duty of the prosecution to avail these witnesses for the defence. If in the exercise of this duty, the prosecution fails to fulfill this obligation, the accused must be acquitted.

[55] Dengan ini Mahkamah ini mendapati bahawa Tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah keatas kes pihak Pendakwaan dan atas imbangan kebarangkalian telah berjaya mematahkan anggapan pengedaran di bawah seksyen 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Lantas itu, Tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan yang dihadapinya.

t.t

(DATO' INDERA HAJI AB KARIM BIN HAJI AB RAHMAN)
Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur

Bertarikh: 3 November 2017

Pendakwaan dan Pembelaan

Siti Aisyah bt Ahmad bersama
Mohd Nordin bin Ismail
Timbalan Pendakwa Raya
Kamar Peguam Negara
Unit Pendakwaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tingkat 7, (Sayap Kanan), Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan, Damansara Heights
50512 Kuala Lumpur

Dato' Sivananthan bersama-sama
Cik Low Hoey Theng, Cik Liu Mei Ching
Tetuan Sivananthan
Peguambela dan Peguamcara
Suite No. 1, L17-01, PJX Tower
No. 16A, Persiaran Barat
46050 Petaling Jaya
Selangor